

Kuala Lumpur

Bagi meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP), program dikenali sebagai Eksplorasi Merdeka @Muzium 2023 diadakan dengan membabitkan aktiviti luar kelas.

Program ini juga bagi mengupayakan potensi guru dalam menghasilkan PdP yang kreatif, inovatif dan bermakna serta membabitkan kerjasama antara Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama-sama Jabatan Muzium Malaysia.

Ia diadakan untuk memberi peluang kepada pihak berkepentingan khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bekerjasama membentuk persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan kepada murid dan guru dalam usaha melahirkan modal insan yang sihat dari segi jasmani, emosi, intelek dan sosial seiring dengan sambutan hari kemerdekaan negara.

Program eksplorasi ini membabitkan penyertaan 207 sekolah sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan yang disertai 621 peserta.

Eksplorasi ini membabitkan aktiviti kumpulan terdiri daripada seorang guru dan dua murid yang melaksanakan larian sejauh tiga kilometer sekitar kawasan Taman Tasik Perdana dengan berpakaian etnik

Hasil PdP kreatif, inovatif

Program Eksplorasi Merdeka @Muzium 2023 mampu tingkat minat belajar murid



FADHLINA menerangkan tentang artifik negara kepada peserta Eksplorasi Merdeka ketika Majlis Perasmian Penutupan Eksplorasi Merdeka di Muzium Negara.

kreatif.

Peserta turut melakukan ujian kecerdasan dikenali sebagai SEGAK sebelum mengimbas kod QR bagi menyelesaikan tugas di empat muzium iaitu Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Seni Kraf Orang Asli dan Galeri Muzik.

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Eksplorasi Merdeka @Muzium 2023 berkata, pihaknya sedang menggerakkan agenda pendidikan penting membabitkan pembelajaran di luar kelas, yang selari dengan surat pekeling ikhtisas (SPI).

"Sebab itu bila kita umumkan SPI yang baru khususnya berkaitan dengan lawatan anak-anak keluar sekolah, ia harus segera disambut oleh semua sekolah.

"Serta menyediakan program pembelajaran di luar kelas dengan lebih efektif dan efisien," katanya di Dataran Muzium Negara.

Fadhlina berkata, setiap murid juga kini berpeluang keluar dan menikmati lawatan sebanyak dua kali setahun.

Katanya, guru juga tidak perlu bimbang dan boleh mula merancang lawatan keluar sekolah kerana ia adalah sebahagian daripada aktiviti PdP.

tanya sambil menambah lawatan turut boleh dilakukan di Pusat Sains Negara.

Beliau turut menyarankan agar murid untuk mendaftar melalui program berlam di muzium bagi mendapat manfaat dan pengalaman melaluinya.

"Saya difahamkan program ini mendapat sambutan yang cukup hangat sampai tidak cukup tempat. Kita memberikan sokongan untuk program ini diteruskan kerana ia memberi banyak manfaat," katanya.

Sementara itu, Fadhlina berkata, program Eksplorasi Merdeka yang dianjurkan disifatkannya dapat memperkuatkan perpaduan di negara ini.

"Dalam keadaan hari ini, perpaduan kita lihat sebagai satu keutamaan dalam negara. Jangan sesekali kita ambil mudah soal perpaduan ini. Ini adalah keunikan dan kekuatan kita. Seharusnya perpaduan ini akan terus diperkuat, diperkaya dan

- Harian Metro
- 21 AUGUST 2023
- mis 19



Manfaat daripada (lawatan ke) muzium ini sangat besar dan disebabkan itu, program seperti ini akan terus mendapat sokongan daripada KPM"

Fadhlina

"Jadi bertambah peluang untuk mereka keluar dan melakukan pembelajaran di luar kelas.

"Setiap kali lawatan yang dianjurkan di muzium atau tempat lain, akan dikira sebahagian daripada PdP," katanya.

Katanya, lawatan ke Muzium Negara adalah antara contoh aktiviti luar sekolah yang boleh memberi banyak manfaat kepada murid.

Beliau berkata, lawatan ini membolehkan murid mempelajari mengenai sejarah, tokoh, artifik dan replika yang dipamerkan.

"Manfaat daripada (lawatan ke) muzium ini sangat besar dan disebabkan itu, program seperti ini akan terus mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan (KPM)" katanya sambil menambah lawatan turut boleh dilakukan di Pusat Sains Negara.